

Headline	Jemaah haji disyaki jangkiti virus MERS-CoV		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	28	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	226 cm ²
Journalist	Murni Sulong	AdValue	RM 7,622
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,866



Jemaah haji disyaki jangkiti virus MERS-CoV

» Dua warga tua dikesan ada sindrom jangkitan virus

Oleh Murni Sulong

► Kuala Terengganu

Seorang jemaah haji yang tiba di sini dengan penerbangan terus Jeddah-Kuala Terengganu pagi semalam, disyaki dijangkiti virus 'Middle East Respiratory Syndrom Coronavirus' (MERS-CoV).

Minah Yusof, 99, dari Kampung Sura, Dungun, tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM) bersama 275 jemaah lain pada jam 11.30 pagi dan menjalani pemeriksaan saringan kesihatan, batuk dan selesema.

Difahamkan, Minah menghidap jangkitan paru-paru ketika berada di Makkah.

Timbalan Pengarah Tabung Haji (TH) Terengganu, Azillah Itam, berkata saringan di LTSM mendapati Minah menghidap ba-

tuk dan mengalami kesukaran bernafas.

"Kita belum dapat memastikan beliau positif MERS-CoV atau sebaliknya kerana pemeriksaan masih dijalankan.

"Seorang lagi jemaah wanita turut dikesan mempunyai sindrom jangkitan virus MERS-CoV tetapi pemeriksaan lanjut mendapati beliau bebas daripada jangkitan," katanya di sini, semalam.

Azillah berkata, jemaah haji yang pulang dari Makkah diwajibkan menjalani ujian saringan kesihatan sejak 2009 bagi memastikan mereka bebas daripada wabak atau penyakit bawaan dari negara luar.

Anak Minah, Mohamed Muda, 67, berkata ibunya sihat sebelum berangkat

menunaikan haji.

"Pihak TH menghubungi

saya sebelum ibu pulang ke tanah air dan memaklumkan ibu kurang sihat serta badannya terpaksa dimasukkan air kerana terlalu panas.

"Saya sangkakan ia perkara biasa kerana faktor usia lanjut tetapi agak bimbang apabila dihubungi buat kali kedua dan ibu disyaki dijangkiti virus ini," katanya ketika dihubungi.

MERS-CoV adalah virus daripada kumpulan Coronavirus dan mula dilaporkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada September lalu.

Setakat 1 November lalu, ia menyebabkan 63 kematian daripada 149 kes yang dilaporkan di seluruh dunia.

Headline	Jemaah haji disyaki jangkiti virus MERS-CoV		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	28	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	226 cm ²
Journalist	Murni Sulong	AdValue	RM 7,622
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,866



Sebahagian jemaah haji selamat tiba **terpaksa memakai topeng muka** bagi mengelakkan berjangkit wabak Mers-Cov di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Gong Badak, Kuala Terengganu. [FOTO ASWADI ALIAS/BH]